

Anwar ajak dunia perkukuh kesalingbergantungan berdaulat

• Anwar tidak meminta negara korbakan autonomi demi pensejagatan dan tidak pula mengajak mereka menyendiri, sebaliknya ia mengundang mereka bersikap terbuka tanpa jadi naif atau bendul dan berdaulat tanpa curiga

• Asia tidak perlu hanya mengikut arus, menyumbang dalam batas yang ditetapkan oleh kuasa luar atau menjadi pelengkap kepada naratif global yang dibentuk tanpa suara Asia sendiri



Penganalisis geopolitik dan hubungan antarabangsa

Oleh Ismail Hashim Yahaya
bhrencana@bh.com.my

Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berdiri di hadapan sarjana di Universiti Tianjin, China, beliau bukan sekadar menyampaikan ucapan, bahkan mengangkat satu cabaran peradaban.

Kata-katanya tenang, namun berbeza yang membawa suara sebuah rantau yang selama ini sering dibicarakan, tetapi jarang diberi ruang untuk berbicara.

“Kita mesti merangka kesalingbergantungan yang memperkukuh kedaulatan, bukan yang melemahkannya,” tegas beliau.

Dalam satu ayat itu, Anwar mengubah arah wacana sejagat. Beliau tidak sekadar mencadangkan kerangka dasar baharu, sebaliknya mengajak Asia untuk menulis dengan dakwatnya sendiri, berbicara dengan metaforanya sendiri dan mengukir semula peranannya sebagai penafsir makna dunia.

Inti ucapannya ialah frasa Confucius: *he er bu tong* - harmoni tanpa keseragaman. Ia satu konsep yang menolak logik binari antara kesamaan dan pemisahan. Ia menyatakan perbezaan tidak semestinya membawa perpecahan dan kesatuan tidak perlu menghapuskan identiti.

Dengan mengangkat frasa ini, Anwar melangkaui bahasa diplomasi dan masuk ke dalam tatabahasa simbolik etika peradaban. Beliau bukan hanya berbicara kepada China, malah bukan kepada Asia semata-mata.

Anwar berbicara kepada dunia yang semakin letih dengan keterhubungan yang memaksa dan kedaulatan yang curiga ke arah dunia yang sedang mencari cara baharu untuk bersama.

Idea kesalingbergantungan berdaulat bukanlah sesuatu yang sepenuhnya baharu, tetapi pengungkapan Anwar memberinya nafas segar.

Beberapa dekad lalu, sarjana seperti Robert Keohane dan Joseph Nye memperkenalkan konsep ‘kebergantungan kompleks’, iaitu rangkaian pelbagai saluran, pengurangan kebergantungan kepada kekerasan dan peningkatan kepekaan bersama. Ia satu langkah ke hadapan bagaimanapun masih terpelelang dalam bahasa sistem dan rejim.

Apa dicadangkan Anwar adalah sesuatu lebih mendalam: satu bentuk kesalingbergantungan yang bukan sekadar berfungsi, tetapi bermaruah. Ia tidak meminta negara untuk mengorbankan autonomi demi pensejagatan dan tidak pula mengajak mereka untuk menyendiri. Sebaliknya ia mengundang mereka bersikap terbuka tanpa menjadi naif atau bendul dan berdaulat tanpa curiga.

Keseimbangan ini halus dan memerlukan satu metafora baharu. Dalam visi ini, kedaulatan bukanlah kubu, tetapi sutera: kuat namun lentur, ditunun me-

lalui kepercayaan dan tradisi mampu menampung beban tanpa menjadi keras.

Sutera tidak menolak sentuhan, tetapi tidak pula mudah terurai di bawah tekanan. Ia mengekalkan bentuknya kerana ia mengenali asal-usulnya.

Dalam berbicara mengenai kedaulatan sebagai sutera, ia adalah untuk menolak nasionalisme rapuh yang takut kepada keterhubungan dan pensejagatan teknokratik yang menghapuskan identiti.

Asia, seperti diingatkan Anwar mempunyai tanggungjawab istimewa dalam usaha ini. Selama ini rekayasa pemikiran ekonomi sejagat dibentuk melalui lensa trans-Atlantik.

Asia enjin pertumbuhan sejagat

Maka, kebimbangan pun dibentuk pengalaman Barat, namun Asia bukan lagi peserta pasif, sebaliknya enjin pertumbuhan sejagat, rumah kepada majoriti generasi muda dunia dan tempat lahir banyak teknologi yang dinamik. Lebih penting, rantau ini kaya dengan tradisi yang memahami kesalingbergantungan bukan sebagai belunggu lebih jauh lagi sebagai pemeliharaan bersama.

Malaysia dengan sintesis unik antara tradisi Islam, pengalaman pascakolonial dan etos pelbagai budaya berada dalam kedudukan yang sesuai untuk memimpin perubahan ini.

Ia boleh menawarkan model keterhubungan berakar pada maruah bukan kebergantungan. Ia boleh menganjurkan dialog menggabungkan puisi dengan dasar, ritual yang menghormati warga emas sebagai takungan ketahanan dan komentar yang melangkaui emosi permukaan kepada koherensi lebih mendalam. Ia boleh menunjukkan menjadi berdaulat bukanlah untuk bersendirian dan terhubung bukanlah untuk mencetuskan masalah.

Penstrukturan semula ini mempunyai implikasi praktikal. Dalam dunia semakin dikawal algoritma dan pengawasan, kesalingbergantungan berdaulat menuntut sistem membina kepercayaan tanpa paksaan. Etika media sejagat dan media sosial mesti berakar pada adab, iaitu tatasusila moral yang menghormati kebenaran dan maruah. Tadbir urus data mesti mencerminkan amanah suatu kepercayaan yang mengikat komuniti.

Wacana awam mesti memulihkan koherensi dalam masyarakat terpecah oleh kebimbangan dan manipulasi. Ini bukan ideal abstrak; ia prinsip reka bentuk untuk rekayasa sejagat yang baharu.

Ucapan Anwar juga meletakkan semula Asia bukan hanya sebagai pelaku, tetapi sebagai penafsir. Dalam dunia hilang arah, makna menjadi sukar ditemui malah dikaburi. Kesalingbergantungan berdaulat bermakna suatu cara menterjemah krisis sejagat kepada kebijaksanaan tempatan dan sebaliknya.

Malaysia boleh menawarkan kompas ini, bukan melalui dominasi, tetapi melalui kebijaksanaan. Ia boleh menjadi penafsir peradaban, membantu dunia

memahami dirinya melalui metafora yang menyembuhkan bukan memecah.

Di sinilah metafora sutera menjadi lebih daripada puitis, bahkan strategik. Sutera bukan sekadar bahan; ia adalah memori. Ia mengingatkan kita kepada Laluan Sutera bukan sebagai laluan perdagangan tetapi sebagai simbol keterhubungan tanpa paksaan.

Ia mengingatkan kita Asia pernah memimpin dunia bukan melalui kekerasan, tetapi melalui kelembutan. Ia berdagang bukan hanya barang, tetapi idea, cerita dan ritual. Bagi menghidupkan semula etos ini adalah untuk menuntut semula cara keterlibatan yang kuno, tetapi sangat relevan.

Malaysia boleh memulakan gerakan ini dengan membina pusat naratif serantau, menganjurkan sidang kemuncak keterbukaan bermaruah dan melatih generasi wartawan serta diplomat untuk menjadi penunjang makna bukan sekadar penyampai maklumat. Dakwat yang harus digunakan Asia bukanlah dakwat peniruan, penjajahan atau penentangan. Ia adalah dakwat imaginasi yang berakar.

Ia adalah dakwat menyatakan kita boleh menjalin hubungan dan keterhubungan dengan pihak lain, iaitu negara, budaya dan sistem sejagat tanpa kehilangan jati diri, larut dalam naratif orang lain atau menjadi mangsa kepada dominasi atau penyeragaman dan berbeza tanpa berpecah.

Ia adalah dakwat yang menenun kedaulatan menjadi sutera yang kuat, lentur dan bermaruah. Visi ini tidak mudah untuk direalisasikan. Ia memerlukan keberanian, kreativiti dan komitmen kepada koherensi. Ia menuntut kita untuk menolak godaan binari yang mudah dan sebaliknya menerima kerumitan kepunyaan yang pelbagai. Ia meminta kita untuk menenuni bentuk institusi yang terasa seperti sutera bukannya keluli. Ia menyeru kita mendengar sebelum berbicara, selaras sebelum bersekutu dan menafsir sebelum bertindak.

Jika kita berjaya kita mungkin akan mendapati dunia tidak memerlukan lebih banyak kuasa lebih mendalam lagi ia memerlukan lebih banyak makna.

Dalam pencarian makna itu, Asia tidak perlu hanya mengikut arus, menyumbang dalam batas yang ditetapkan oleh kuasa luar atau menjadi pelengkap kepada naratif global yang dibentuk tanpa suara Asia sendiri.

Ia penunjang makna, penggerak utama, pemilik naratif ke arah dunia lebih berperikemanusiaan. Ini menandakan peralihan dari kedudukan reaktif kepada kedudukan kreatif dan strategik dengan Asia bukan sahaja hadir lebih mendalam lagi menentukan corak dan arah peradaban global. Ia boleh menjadi penunjang di tempat dunia yang lebih berperikemanusiaan ditununi.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH